

16 NOV 1998

APEC-BERITA-SYARIKAT LEAD

SUNTIKAN AS\$300 JUTA TAIPEI-CHINA KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT ASIA

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Taipei-China akan meyuntik modal sebanyak AS\$300 juta dalam syarikat-syarikat terpilih di Malaysia, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Katanya dana itu juga akan disalurkan kepada negara-negara Asia tenggara yang lain yang dilanda krisis kewangan dan ekonomi tetapi keutamaan akan diberi kepada Malaysia berasaskan kepada pelaburannya yang sudahpun banyak di negara ini.

Rafidah berkata suntikan modal itu akan disalurkan melalui Southeast Asia Holding Company kepada syarikat-syaikat yang terlibat dalam sektor-sektor kelapa sawit, pembuatan dan perkhidmatan.

Syarikat pelaburan itu akan mula menyalurkan dana itu sekarang kerana mereka telahpun mengenal pasti syarikat-syarikat berkenaan, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat dua hala antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Dr Chiang Pin-Kung, yang mewakili Presiden Taipei-China Lee Teng Hui pada Sidang Kemuncak Pemimpin Apec di sini mulai esok.

Rafidah berkata satu pasukan daripada syarikat sokongan kerajaan itu datang ke Malaysia untuk mengenalpasti syarikat-syarikat Malaysia di mana mereka akan melabur.

Bagaimanapun, beliau tidak memberikan nama syarikat-syarikat Malaysia terbabit.

"Ia bukanlah secepat mana mereka akan melabur di Malaysia tetapi yang penting ialah mereka sedang melakukannya," katanya.

Rafidah berkata Taipei-China telah mencadangkan skim "Tanggungjawab Bon Yang Dijaminkan (Collateralised Bond Obligation) (CBO)" yang mana ekonomi-ekonomi Asia yang terbabit boleh mengeluarkan bon yang dijamin oleh negara-negara yang tidak terbabit dengan krisis kewangan dalam usaha untuk meningkatkan pencairan untuk mebiayai aktiviti ekonomi.

Katanya Dr Chiang telah meminta Dr Mahathir supaya memberi pertimbangan kepada cadangan itu.

Taipei-China telahpun mengemukakan cadangan itu kepada para pemimpin forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Katanya delegasi Taipei-China berpendapat Apec tidak banyak membantu sektor swasta.

"Ini selaras dengan pendapat kita bahawa di masa-masa lepas juga Apec hanya banyak bercakap dan sektotr swasta tidak mendapat manfaat,"

Rafidah berkata beliau berharap mesyuarat Apec kali ini boleh membawa manfaat kepada sektor swasta.

-- BERNAMA

ES WAT WAT